

Penyebaran Orang Rumpun Melayu Pra-Islam dan Perkembangan Tulisan Bahasa Melayu

SHAHARIR MOHAMAD ZAIN

ABSTRAK

Takrif Melayu sebagai satu bangsa dan etnik yang sudah lama mendiami Alam Melayu ini banyak kontroversinya. Oleh itu, amatlah penting untuk kita mengenali tamadun Melayu sejak dahulu lagi. Dengan itu, kita mungkin boleh mempunyai gambaran yang lebih jelas tentang siapa orang Melayu dan sejarah masa silamnya. Aspek tamadun Melayu yang diperkatakan ini ialah perkembangan aksara di Alam Melayu, bermula daripada aksara Palavi kepada aksara Kawi dan seterusnya.

Kata kunci: Alam Melayu, Bukit Si Guntang, Srivijaya, Prasati, Palavi, Kawi, Rencong

ABSTRACT

The definition of Malay as a race or ethnic group is shrouded in controversy. Thus, it is important for us to understand Malay civilization in the past. With that, one may have a clearer picture of who the Malays are and their history in the past. One aspect of Malay civilization is the evolution of its writing system from Palavi to Kawi and so fort.

Key words: Malay World, Bukit Si Guntang, Srivijaya, Inscription stones, Palavi, Kawi, Rencong

Istilah Melayu dalam rencana ini perlu dijelaskan kerana tanah kediaman orang Melayu di Asia Tenggara sudah berpecah-belah akibat ditakluki kaum penjajah secara bersilih berganti. Penjajah yang dimaksudkan itu adalah Portugis, Sepanyol, Belanda, Inggeris, Amerika Syarikat, Perancis dari barat dan yang dari Asia Tenggara dan Asia pula ialah Thailand dan mungkin juga Viet (yang membentuk negara barunya Vietnam). Memang dipersetujui orang Melayu adalah sekurang-kurangnya bangsa pribumi yang mendiami merata tempat di Tenggara Asia ini yang dirujuk hampir semua penulis sebagai Gugusan Kepulauan Melayu. Perincian pertama tentang geografi dan aspek kebiopelbagaian Kepulauan Melayu telah dilakukan Wallace (1863) dan dengan lebih komprehensif lagi dalam bukunya *The Malay Archipelago*. Buku itu telah diulang cetak dengan terbitan yang terbaru dibuat Oxford University Press (1986). Berasaskan tabii kebiopelbagaian,

beliau mentakrifkan Gugusan Kepulauan Melayu sebagai “rantau Asia Tenggara yang hampir-hampir berbentuk segi tiga, bermula di Pulau Nikobar di Timur Laut ke Pulau Solomon di Tenggara, dan dari Luzon di Utara ke Rotti dekat pulau Timor di Selatan” (Lampiran 9). Kawasan yang luas itu dibahaginya kepada lima kumpulan: Kepulauan Indo-Malaya, Kepulauan Timor, Kepulauan Maluku dan Kepulauan Papua. Orang Barat sejak abad ke-18 sentiasa merujuk kawasan ini sebagai Gugusan Kepulauan India atau Hindia Timur (nama syarikat yang berpusat di India). Kedua-dua nama itu tidak disukai Wallace yang berpendapat ia lebih baik dinamakan sebagai Gugusan Kepulauan Indo-Australia. Ternyata nama Gugusan Kepulauan Melayulah lebih sesuai dan dapat diterima umum sebagaimana yang terpancar daripada nama makalah dan buku Wallace sendiri, kerana ia berasaskan rupa bangsa di rantau ini yang dikelaskan sebagai orang Melayu oleh orang Barat sendiri, sekurang-kurangnya sejak Marco Polo menceritakan pelayarannya melalui rantau ini pada abad ke-13. Alam Melayu yang berasaskan bahasa adalah lebih luas lagi kerana merangkumi ASEAN, Madagaskar, Taiwan, malah New Zealand dan pulau Easter (Peta 1).

Takrif Melayu sebagai satu bangsa (ras yang dicirikan sifat jasmaninya) yang sudah lama mendiami rantau ini dan sebagai suatu etnik (dicirikan oleh kebudayaan) memang kontroversi, sama seperti takrif bangsa atau etnik yang lain kerana akhirnya semua bangsa adalah serumpun dari Nabi Adam atau daripada 85 pasang orang dalam kapal Nabi Noh itu. Tetapi, Allah sendiri menegaskan bahawa Dia menjadikan umat manusia berbagai-bagai bangsa dan etnik untuk kenal-mengenal antara satu dengan yang lain (al-Quran, Surah al-Hujarat 49:131), dan pembangunan sesuatu bangsa dan etnik itu mestilah dilakukan dalam acuan bangsa dan etnik itu (al-Quran, Surah Ibrahim: 4, dan Surah Ali ‘Imran: 161). Oleh itu, adalah penting untuk kita mengenali tamadun Melayu dahulu kala dan daripada kekuatan itu dapat dibina tamadun Melayu kontemporer. Tetapi, bangsa dan etnik Melayu kini sudah tidak bitara lagi, selain mudah mengundang kontroversi, berbanding dengan bangsa atau etnik lain, kerana perubahan sejarah, geografi, politik negara-bangsa selepas penjajahan. Sejak dijajah, minda orang Melayu beransur-ansur berubah sehingga konsep bangsa Melayu itu sendiri pun turut berubah, terutamanya akibat kebangkitan negara-negara baru di Gugusan Kepulauan Melayu, hasil pembebasan daripada penjajahan yang berlainan masa seperti Malaya, Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura, Filipina, Thailand, Kemboja, Vietnam, Madagaskar, Taiwan dan lain-lain. Akibatnya, istilah Melayu di Malaysia sudah berubah semantikanya. Ini juga adalah akibat perlembagaan dan amalan politik Malaya/Persekutuan Tanah Melayu sejak 1957 dan Indonesia sejak 1945, serta rantau-rantau lain Melayu yang masih berada di bawah jajahan Inggeris sehingga 1963 seperti Singapura (yang menjadi negara-bangsa yang tersendiri pada 1965), Sabah dan Sarawak (sehingga menganggotai Malaysia pada 1963), dan Brunei terus bersendirian mengukir sejarah negara-bangsanya sehingga kini. Penubuhan negara-bangsa baru yang lain di alam Melayu, seperti



PETA 1. Alam Melayu (berdasarkan penyebaran bahasa-bahasa Austronesia)
 Sumber: Peter Belwood (1978: 118)

Thailand, Kemboja, Vietnam, Madagaskar dan Taiwan, malah Sri Lanka sudah meninggalkan langsung kewujudan pribuminya, Melayu.

Mengikuti perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (PTM), Melayu ditakrifkan sebagai orang di PTM yang mengamalkan kebudayaan Melayu dan beragama Islam. Takrif ini bukan sahaja kabur, tetapi juga menyempitkan makna Melayu yang asalnya bukan sahaja merujuk kepada orang Melayu di PTM, tetapi juga orang Melayu serumpun di luar PTM. Orang yang serumpun dengan orang Melayu di PTM dan berada di PTM, tetapi bukan Islam dengan serta-merta menjadi orang bukan Melayu sehingga istilah Bumiputera diperkenalkan bagi merangkumi Melayu yang tidak Islam, seperti orang asli. Perlembagaan ini diperluaskan kepada Perlembagaan Malaysia apabila Sabah, Sarawak dan Singapura bercantum dengan PTM menjadi Malaysia pada 1963, dengan mengusutkan lagi makna Melayu.

Dari segi etnik, orang Melayu di Semenanjung Malaysia tidak berbeza daripada suku kaum yang secara generik dinamai orang Melayu di Singapura, Sabah, Sarawak, pribumi Indonesia, Brunei, selatan Filipina, orang Campa (versi lainnya ialah Champa/Cempa/Cepa/Capa dan diLatinkan/diItaliakan sebagai Zampa, Zapa, Canpa (selain drp Campa), Capa dan diInggeriskan menjadi Champ serta diPeranciskan kepada Campe), di Kemboja (asalnya Kambujadesa dan diInggeriskan/diPeranciskan menjadi Cambodge, Cambodia, Cambochea, Campuchea, Kampuchea dan Kambochea), dan Vietnam, Patani di Thailand Selatan, (versi lainnya, Petani/Fatani), orang Melayu Taiwan, seolah orang Melayu di Madagaskar dan di Sri Lanka. Hampir tidak ada 'Melayu' di PTM yang ibu, bapa, datuk, nenek atau leluhurnya yang bukan dari Jawa, Sumatera (seperti Minang, Batak dan Aceh), Bugis, Banjar, Riau, Campa Kemboja, Patani, Taiwan dan pelbagai suku pribumi yang lain dari sekitar Asia Tenggara dan Lautan Pasifik, atau yang sudah tiada kedengaran lagi, Madagaskar. Keadaan ini sedemikian rupa sehingga menimbulkan hipotesis bahawa perkataan Melayu itu berasal daripada perkataan Jawa yang bermaksud 'lari' atau 'hijrah' ke Nosa Koncana (Shaharir 2000/1987). Nama Nosa Koncana atau Nusa Kencana dalam bahasa Melayu kini itu sudah dipakai dalam peta Batlamus atau Ptolemy pada kurun ke-2 Masehi lagi. Ia diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai *Golden Khersonese*, yang menjadi judul buku Wheatley (1966). Ini mungkin adalah hipotesis nakal kerana kedua-dua *malaya* dalam bahasa Sanskrit atau *malai* dalam bahasa Tamil bermaksud bukit (Sastri 1949), walaupun memang ada unsur-unsur kebenarannya. Hipotesis yang lebih nakal ialah Melayu itu berasal daripada 'layu' atau perkataan Perancis 'Malaise' yang tidak perlu diberi ulasan di sini. Apabila Singapura, Sabah dan Sarawak menjadi sebahagian Malaysia, takrif Melayu mengikuti PTM itu sudah menjadi semakin kacau, kerana pribumi di kedua-dua negeri tersebut sudah dipupuk begitu kuat dengan kebanggaan suku kaumnya, sehingga pribumi yang Islam sudah tidak begitu senang disebut orang Melayu sahaja. Selain itu, istilah Bumiputera juga tidak begitu disenangi, kerana mereka merasakan Bumiputera ialah orang Asli di Semenanjung. Mereka

lebih suka menggelarkan diri sebagai pribumi, sama seperti istilah di Indonesia. Tetapi, di Indonesia, istilah Melayu digunakan untuk merujuk kepada suku kaum Melayu di Kepulauan Riau sahaja. Penolakan Melayu Malaysia kepada perluasan makna Melayu yang lebih luas terpancar apabila ahli-ahli UMNO (Pertubuhan Melayu Bersatu) tidak senang dengan penerimaan Bumiputera atau pribumi Malaysia yang bukan Islam menganggotai parti tersebut, sekurang-kurangnya pada peringkat awal.


Asal-usul Melayu tidaklah muktamad. Mengikuti kajian awal ahli antropologi dan arkeologi dari negara Barat, orang di Kepulauan Melayu (disebut juga Alam Melayu) ini berasal dari dataran Yunan di sempadan Nepal dan barat daya China yang bersempadankan Burma dan India. Pendapat ini sesuai dengan pandangan evolusi kononnya orang tertua ialah 'Orang Peking'. Pandangan ini tersangkal apabila diketahui fosil 'Orang Peking' itu adalah palsu. Dari segi bahasa juga terdapat perbezaan ketara antara bahasa Melayu Purba dengan bahasa Yunan sehingga teori ini tidak dapat dipertahankan lagi. Bahasa Melayu tidak ada kesamaan langsung dengan bahasa Yunan. Sebaliknya, bahasa Melayu amat dekat dengan bahasa Sanskrit di India. Inilah yang menjadi alasan yang kuat bahawa sekurang-kurangnya raja-raja Melayu itu memang berasal daripada keturunan raja Sulan dari India, seperti yang diriwayatkan dalam *Sejarah Melayu*. Selain itu, fosil 'Orang Jawa' yang sehingga kini yang bukan sahaja tidak terbukti kepalsuannya, malahan adalah lebih tua daripada fosil 'Orang Peking' (jika fosil ini tidak palsu sekalipun) itu menunjukkan orang Melayu adalah pribumi di Kepulauan Melayu ini (Shaharir 1992; Wan Hashim 1997 & Nik Hassan Shuhaimi 1998).

Mengikuti *Sulalatus Salatin*, atau *Sejarah Melayu*, karya Tun Sri Lanang (atau bagi Winstedt, Tun Bambang) pada 1612 itu (Samad Ahmad 1979), Melayu ialah nama sebuah hulu sungai di Bukit Si Guntang, Palembang, Sumatera. Raja Palembang pertama itu bernama Demang Lebar Daun yang berasal daripada anak-cucu raja Sulan di India yang berketurunan Raja Iskandar Zulkarnain dengan Putri Syahrul Bariyah, anak Raja Kida Hindi. Tetapi, ternyata dalam buku itu juga pada masa yang sama atau terdahulu daripada kerajaan Demang Lebar Daun itu, terdapat kerajaan lain di merata tempat di Kepulauan Melayu ini menerusi cerita Raja Suran (keturunan raja Sulan itu) menawan beberapa buah negeri, seperti Gangga Negara (Kedah atau Perak?) dengan rajanya bernama Shah Johan, negeri Langgiu (Langkawi atau Riau-Lingga?) dengan rajanya bernama Culan. Tidak ada sebarang tarikh bagi setiap peristiwa yang tercatat dalam *Sejarah Melayu* itu. Namun, ketika mengenangkan prasasti yang tertua di Nusantara yang mempunyai catatan dalam bahasa Melayu Purba tentang penubuhan kerajaan Srivijaya di Palembang itu tidak lain daripada prasasti Kedukan Bukit, di sekitar Bukit Si Guntang itu juga, yang bertarikh bersamaan dengan tahun 683 Masehi, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa kesah Demang Lebar Daun, raja Melayu pertama yang tersebut di atas itu, berkemungkinan besar adalah raja pertama kerajaan Srivijaya, sekitar abad ke-7 Masehi. Hal ini akan diperincikan nanti.

Kebetulan perkataan ‘malaya’, ‘malayo’, ‘malayu’, atau ‘malaiyur’ yang tertua (sehingga kini) juga terdapat pada prasasti di Palembang (pada patung di Padang Ruku/Roko atau Sungai Langat, Batang Hari, yang bertarikh bersamaan dengan tahun 1029 Masehi, dan prasasti Tanjore yang bertarikh bersamaan tahun 1030 Masehi. Pada prasasti di arca Amoghapasa, di Palembang, yang bertarikh tahun 1347 Masehi (Sastri 1949) terdapat puji-pujian kepada raja Sri Udayadityavarma sebagai pemerintah Malayapura dan Udaya. Dalam catatan Marco Polo, pada abad ke-13 Masehi terdapat perkataan ‘Malaiur’ apabila beliau merujuk kepada orang atau kawasan di antara Selat Melaka sekarang yang dilaluinya dan terpaksa tinggal di Sumatera selama lima bulan kerana menunggu musim ribut reda; manakala penulis Arab lain pada zaman yang sama menyebut ‘Malayur’ merujuk kepada bangsa/bahasa yang kini dikenali sebagai Melayu. Marco Polo juga menceritakan adanya orang di ‘Malaiur’ itu yang berekor dan ada pula yang makan manusia. Tentang manusia yang makan manusia itu memang terbukti kebenarannya (terutamanya bagi orang Batak masa dahulu), tetapi manusia yang berekor itu mungkin adalah khayalannya atau beliau tersalah faham tentang pakaian suku kaum Melayu yang dijumpainya. Mengikuti catatan Eredia sekitar tahun 1600-1604 Masehi semasa beliau berada di Melaka sebagai pegawai Portugis (MBRAS 1997), beliau merujuk ‘Malaio’ kepada ‘Melayu’ sekarang ini. Beliau berpendapat nama bangsa ini berasal daripada *Attayo* atau *Attay*, yang kemudiannya dikenali sebagai *Cattayo*, satu bangsa daripada Serika (Seryca) dari negeri Skith (Scyth) atau Skithia (Scythia) di Parsi. Keturunan bangsa yang sama inilah juga yang menjadi orang Yunani. Pendapat ini juga agak serasi dengan cerita dalam *Sejarah Melayu*.

Mengikuti sumber Cina yang tercatat dalam buku Liang Liji (1996), rekod tertua yang menyebut perutusan ‘Mo-lo-yu’, ‘Molo-yoo’, ‘Mo-lo-yeu’, atau ‘Mali-yu-eul’ ke negeri China buat kali ke-5 itu bertarikh tahun 644 Masehi. Mengikuti sumber Cina yang dicatat Chatterji (1966), pada tahun 435 Masehi sudah ada raja dari Ja-va-da, Javadvipa iaitu Sumatera dan Jawa sekarang, yang bernama Se-li Pa-do-a-la-pa-mo (yang jelas ada perkataan Sri Paduka) yang menghantar utusan kepada maharaja China di Dinasti Sung. Selanjutnya, mengikuti Liang Liji, perutusan sebegini sudah berlaku berkurun-kurun sebelum ini, malahan pada tahun 131 Masehi lagi sudah ada kerajaan yang dikenali sebagai Ye Diao dalam tulisan Cina purba, iaitu rantau yang kini dikenali Jawa dan Sumatera secara berasingan, sedangkan pada masa dahulu, kedua-duanya adalah sebuah kerajaan (terutamanya jika dikira bahagian Jawa Timur sekarang ini yang juga dikenali Sunda), membawa ufti ke negeri China dan dibalas raja China itu dengan ‘Cap kempa kain dewangga ungu’. Kempa ialah alat apitan seperti dalam tenunan itu; dewangga, bercorak indah seperti biru atau kuning di atas dasar merah. Sebelum itu, ada catatan sejarah dari Dinasti Yin pada tahun 17-11 Sebelum Masehi yang menyebut adanya orang Cina datang ke Asia Tenggara untuk mendapat kulit kura-kura dan kulit binatang tenuk (Ma lai Mo). Pada Dinasti Han (abad ke-2M) pula ada catatan tentang penjelajahan orang Cina ke Dungun (Du

Yuan, Qu Du Kun/Quan/Qian, dan Du Qun), Pulau Pisang (Pi Zhong), Kedah (Du Yuan). Pada zaman kerajaan Wu (selatan Cina) abad ke-3 Masehi terdapat kapal besar Cina dinamai 'Po' yang dipercayai pinjaman daripada perkataan Melayu Purba yang versi kininya 'kapal'. Dalam kurun itu juga dicatatkan adanya kerajaan yang bernama Funan, dipercayai sebuah lagi kerajaan Melayu Purba, iaitu kerajaan Melayu-Kemboja (Khmer Asli) purba yang berpusat di Kemboja sekarang (Peta 2). Kemuncak Empayar Khmer ini ialah sekitar abad ke-6 Masehi, walaupun kerajaan ini terus wujud hingga kurun ke-15 dengan keluasan wilayahnya semakin kecil. Keagungan kerajaan ini terpancar pada kesenian dan kejuruteraan di Wat Angkor, yang dibina sekurang-kurangnya pada kurun ke-12 Masehi, walaupun setengah pihak mengatakan ia dibina pada abad ke-9 Masehi lagi. Sejauh mana keMelayuannya kerajaan purba ini masih menjadi tanda tanya,




PETA 2. Kerajaan Funan (Empayar Khmer) pada zaman kemuncaknya abad ke-6M
 Sumber: Intan (1991)

kerana kajian bahasa di prasastinya belum dilakukan dengan teliti *vis-a-vis* dalam konteks rumpun bahasa Austronesia, khususnya bahasa Melayu Kuno/Purba. Hakikat itu tidak tertera dalam Peta 1, sedangkan di Kemboja terdapat beberapa tempat dengan penduduk majoritinya orang Melayu, seperti di Kampong Campa, yang sehingga kini dipercayai warisan kerajaan Melayu Campa atau kerajaan Funan itu.

Dalam buku kompilasi RISEAP (1996), kini terdapat kira-kira 400 ribu orang Campa yang kebanyakannya tinggal di Kampong Campa, dan sebahagian lagi di Kampong Cenang (Chenang/Ch' nang) dan juga di Provinsi Kampot di Kemboja. Di Phnom Penh sahaja ada kira-kira 30 ribu orang Campa. Mengikut maklumat dalam buku Intan (1991), Othman dan Halim (1990), Gallop (1994), lebih-lebih lagi karya Coedes (1964), kerajaan Melayu Purba yang lebih berjaya lagi dengan keMelayuannya tidak dipertikaikan lagi ialah yang berpusat di Vietnam sekarang. Pada mulanya mereka berada di Annam, kemudian berhijrah ke selatan sampai ke Hue, Inderapura (Quang-nam) dan akhirnya ke Vijaya (Binh-dinh) yang terkenal dengan nama Kerajaan (Melayu) Campa yang wujud sejak kurun ke-3 Masehi (Peta 3). Kemuncak kerajaan ini ialah sekitar abad ke-9 hingga 10 Masehi. Walaupun kerajaan Campa telah dikalahkan dan diusir keluar kota Vijaya pada tahun 1471 oleh orang Vietnam, namun saki baki takhtanya masih kekal sehingga abad ke-16 Masehi, sehingga dilaporkan dalam rekod Cina bahawa kerajaan Campa pernah menghantar bantuan kepada kerajaan Melaka untuk menentang Portugis. Ada kemungkinan orang Campa telah memeluk agama Islam lebih awal daripada orang lain di Nusantara, kerana mereka telah beragama Islam sekurang-kurangnya pada abad ke-11 Masehi. Orang Campa yang berhijrah ke Semenanjung Malaysia beberapa ratus tahun dahulu dapat ditemui dengan agak ramainya di Kelantan, terutamanya di Pengkalan Cepa, Kota Bharu, dan di Gong Capa di Pasir Puteh. Mengikut buku kompilasi RISEAP (1996), orang Campa di Vietnam kini dianggarkan sekitar 41 ribu yang Islam dan tinggal di bahagian selatan Vietnam. Mereka paling ramai di Provinsi Chau Doc dan Tay Ninh, dengan puluhan ribu orang yang lain lagi tinggal di pedalaman dan dikatakan beragama 'Islam Lama', iaitu campuran Islam-Hindu-Buddha.

Sementara itu, terdapat pula beberapa buah kerajaan Melayu Purba lain yang tercatat dalam buku Cina, seperti Lang Ya Xiu (Fatani/Patani sekarang) pada abad ke-2 Masehi, Pan Pan (utara Segenting Kera) pada abad ke-5 Masehi, Senggora (Tanah Merah, sekarang di Thailand Selatan) dan Zhu Bo (Pulau Jawa sekarang). Semuanya telah wujud sekurang-kurangnya pada abad ke-5 Masehi, manakala Dan Dan atau Tan Tan (Kelantan sekarang, yang juga disebut Ki-lantan oleh penulis Cina yang terkemudian) telah wujud sebelum abad ke-6 Masehi. Mengikut buku INTAN (1991), sumber Cina yang lain yang juga mencatat kebesaran kerajaan Ho-Lo-Tan atau Kuo-Lo-Tan di Semenanjung Malaysia pada kurun ke-5 Masehi itu juga ditafsirkan sebagai Kelantan sekarang. Kerajaan ini dikatakan pernah mengirimi utusan dan ufti ke negeri China pada tahun 430, 433, 436, 437 dan 452 Masehi. Mengikut catatan Dinasti Syui pada abad ke-6 Masehi,



PETA 3. Kerajaan Campa dan gerakan orang Vietnam abad ke-8
 Sumber: Abdul Rahman Al-Ahmadi (1980)


seperti yang diterjemahkan Liang Liji (1996), kerajaan Kelantan pada abad sebelumnya lagi, adalah seperti yang berikut:

Negeri Dan Dan sudah terkenal pada zaman Dinasti Syui lagi. Keluarga rajanya bernama Ksyatriya, namanya Raja Sri Linga, memerintah lebih daripada dua puluh ribu keluarga. Menterinya ada lapan orang, disebut Lapan Teras, dan Menteri Besarnya dipegang oleh seorang Brahmin. Tubuh raja dipupuri dengan bedak harum, bermahkota menjulang tinggi,

berkalungkan ratna mutu maknikam, berpakaian warna-warni, berkasut kulit. Kalau berpergian; dekat naik kenderaan, jauh naik gajah. Ketika berperang orang meniup serunai dan memalu gendang. Hukumannya keras: pencuri tak pandang dosanya; besar kecil semuanya dibunuh (1996:18).

Walau apapun, kerajaan Melayu Purba di Vietnam, yang dikenali Kerajaan Campa, berpusat di Annam sekarang (Peta 3) adalah kerajaan gag yang telah bertahan lama dan bertamadun tinggi. Ia sudah wujud sekitar kurun ke-3 Masehi dan mula mundur setelah pertama kali dikalahkan orang Vietnam pada 1490, dengan saki-bakinya masih ada sehingga abad ke-16 Masehi. Kerajaan ini pernah menghantar bantuan kepada kerajaan Melaka untuk menentang Portugis. Namun demikian, kerajaan Melayu purba yang termasyhur di kalangan pelajar sejarah di Malaysia ialah kerajaan Srivijaya yang berpusat di Palembang, Sumatera, dan beragama Buddha Mahayana (bukannya Hindu). Kerajaan ini bermula pada abad ke-7 Masehi dan berakhir pada abad ke-12 Masehi setelah dikuasai kerajaan Majapahit, daripada abad ke-13 hingga ke-15 Masehi, yang berpusat di Jawa. Ini diikuti kerajaan Melaka, daripada abad ke-14 hingga ke-16 Masehi (Peta 4 dan 5). Pada kemuncaknya, kerajaan Srivijaya menakluki sebahagian besar Pulau Jawa dan membina candi Borobudur di Yogyakarta, Jawa Tengah, yang kini sudah menjadi satu daripada benda ajaib dunia, malahan jauh lebih ajaib daripada ahram di Mesir atau empayar Maya dan Aztek di Amerika Selatan atau Wat Angkor, tinggalan Empayar Funan-Khmer. Empayar Srivijaya, yang berpusat di Palembang, meliputi seluruh Sumatera, Riau, Jawa Barat, Semenanjung Malaysia, Singapura, Selatan Thai (berpusat di Patani), Campa (di Vietnam sekarang), Kemboja dan Sri Lanka (Coedes & Damais 1992; Slametmuljana 1970, 1981; Chatterji 1966 & Sastri 1949). Yang menarik lagi ialah sebuah prasasti di Vietnam sekarang yang bertarikh 787 Masehi, prasasti zaman Melayu Campa, yang menceritakan askar Srivijaya mendarat di Campa dan membakar candi Hindu di situ (Sastri 1949). Ini menunjukkan kerajaan Srivijaya pernah menyerang kerajaan Campa untuk menaklukinya, walaupun tidak tercatat dalam sejarah tentang berapa lamanya kerajaan Srivijaya pernah memerintah Campa dan Empayar Funan-Khmer.

Dalam sumber Cina, Srivijaya dirujuk sebagai *Sye-li-fo-sye* (*She-li-fo-she*, *Shelifosche*, *Se-li-fo-se*, *San-fo-ts'i*, *Sanfotsi*, atau *Fo-che*). Mengikut Sastri (1949), nama-nama itu dipakai penulis Cina dalam kurun 10 hingga 14 Masehi. Liang Liji (1996) menambah terdapat juga penulis Cina di Dinasti Tang menyebut Srivijaya sebagai *He Ling* atau *Ka Ling*. Ternyata nama ini kurang popular. Coedes dan Damais (1992) telah menjelaskan bagaimana perkataan-perkataan ini berasal daripada Srivijaya dengan panjang lebar. Ketika berada di kemuncaknya, kerajaan ini (Sastri 1949; Slametmuljana 1970), terdiri daripada 15 buah negeri di Tenggara Asia, termasuk beberapa daerah di *Nosa Koncana* (Malaya/Tanah Melayu atau Semenanjung Malaysia dan termasuk selatan Thai sekarang) yang disenaraikan mengikut sumber Cina sebagai *Pa-ta*' (daripada Batak, merujuk kepada kawasan yang didiami suku kaum Melayu di Sumatera dan di Semenanjung Malaysia), *Tan-ma-ling* (Tamralinga, Ligor), *Kia-lo-hi* (Grahi di Teluk Bandon, Selatan Thai-



PETA 4. Kerajaan Srivijaya pada zaman kemuncaknya abad ke-10 Masehi
Sumber: Nehru (1963)



PETA 5. Kerajaan Majapahit pada zaman keagungannya abad ke-14M
Sumber: Lee Sin Lian dan Nambar bin Yunus (1994)

land), Ji-lo-ting (Jelutong, Pulau Pinang), dan Ling-ya-asi- kia (Langkasuka, iaitu sekurang-kurangnya Kedah dan Thailand Selatan sekarang), bahkan termasuk Silan atau Sirandip/Suvarndip/Suvarnadvipa (Silon/*Ceylon* atau Sri Lanka sekarang)! Catatan terkenal ialah yang dibuat oleh I-Tsing, (Ye-Sing, atau Yi Jing dan beberapa versi ejaan yang lain lagi), seorang sami dari benua China, yang belayar ke India untuk menuntut agama Buddha. Sesampai beliau di pusat Srivijaya di Sumatera (Sastri (1949), sebutan Cina tempat itu pada mulanya ialah Ku-Kang, dan kemudian P'o-lin-pang, Pao-lin-pang, Pa-lin-pang, atau Pa-lin-fong) beliau terpesona dengan tamadun di situ, lalu tinggal di situ selama 7 tahun, iaitu 688-695 Masehi, walaupun ada setengah sumber mengatakan beliau tinggal selama 4 tahun dan yang lain mengatakan beliau tinggal selama 14 tahun. Pada abad ke-12, Java (Majapahit) dan Sanfotsi disebut penulis China sebagai dua buah negara komers yang penting dengan kerajaan yang besar.

Pada abad ke-13 Masehi, seorang pegawai kastam di negeri China, Cau (Chau) Ju-Kua namanya, banyak menulis kesah pentadbiran Srivijaya yang hebat dengan teknologi yang canggih di pelabuhan di Srivijaya. Antara tahun 904 hingga abad 15 Masehi begitu banyak cerita mengenai utusan raja-raja Melayu melawat negeri China. Maharaja Cudamanivarman dikatakan pernah menghantar wakilnya ke negeri China pada 1003 Masehi untuk menghadiahkan loceng ke sebuah candi Buddha di negeri China. Loceng itu diberi nama maharaja Cina sebagai "Kehidupan Seribu Tahun Yang dianugerah dari Syurga". Pada tahun 1079 tercatat di kuil Taois di Kanton seorang pembesar dari Srivijaya, namanya Ci-lo-lo (Chi-lo-lo) yang dihantar maharaja Srivijaya yang bernama Divakara untuk membaiki kuil tersebut. Maharaja China itu memberi gelaran kepada maharaja Srivijaya itu sebagai 'Jeneral Agung'. Mengikut catatan di prasasti di negeri China yang dijumpai pada 1959 (Liang Liji 1996), seorang saudagar Cina Srivijaya, Zhi Luo, telah menderma untuk membina semula kuil Tian Qing pada Dinasti Tang abad ke-9 Masehi hingga ke-10 Masehi setelah ia dimusnahkan pemberontak daripada dinasti itu. Yang menarik lagi ialah gelaran yang dianugerahi maharaja Cina kepada pembesar-pembesar Srivijaya yang melawat dengan rasminya ke negeri China mulai kurun ke-10 Masehi (Sastri 1949). Gelaran tersebut ialah Hia-tch'e yang berasal daripada Haji, selain daripada gelaran Si-li-ma-hia-lo-cho (Sri Maharaja). Sehubungan itu, pada 1017 Masehi ada seorang pembesar Srivijaya diberi gelaran Hia-tch'e Sou-wou-tch'a-p'ou-mi (Haji Sumatra Bumi) dan pada 1156 Masehi telah diberi gelaran Si-li-ma-hia-lo-che (Sri Maharaja) kepada seorang pembesar lain dari Srivijaya.

Daripada sumber Hindu, kita dimaklumkan ada seorang sami Buddha dari India yang bernama Atisa datang *Suvarnadvipa* (Sumatera) untuk belajar daripada sami yang bernama Dharmakirti, yang bergelar "Sarjana Agung" pada abad ke-7 Masehi. Pada abad ke-10 Masehi Dinasti Cola (Chola) di India menyebut tentang maharaja Kataha (Kedah) dan Srivijaya.

Sementara itu, dalam sumber Arab, Srivijaya dirujuk sebagai Zabag atau Zabag, dan Sribuza/Sribusa, yang memerintah Kalah (Segenting Kra dan Kedah)

pada kurun ke-9 Masehi. Kerajaan ini dianggap sebagai “seorang daripada emperor yang agung di dunia”. Pengembara Arab kurun ke-9, Sulaiman, pada 815 Masehi menceritakan kebesaran Zabag/Zabag, Sribusa/Sribuza (daripada Sanskrit Sribhoja dan daripada Cina Chelifosche) dan Rami, Ramni atau Ramini (Sumatera). Beliau juga mengesahkan bagaimana Srivijaya menakluki kerajaan Khmer di Kemboja. Pada kurun ke-10, seorang lagi penulis Arab, Masudi, menulis tentang seorang maharaja Zabag di Kalah (Kedah) dan Sirandip (Sri Lanka). Chatterji (1966) mengatakan penulis-penulis Arab lain yang menceritakan *Zabaj* ialah Ibnu Hordadbeh (844-48 Masehi) dan al-Bairuni pada tahun 1030.

Pengertian Melayu sesempit-sempitnya dalam rencana ini merangkumi pribumi di Malaysia, Sumatera, Kepulauan Riau, Jawa, Selatan Thailand, Brunei, Singapura dan Campa; sementara pengertian Melayu yang seluas-luasnya seharusnya mengikut persempadanan sejarah dunia pra-Perang Dunia II, iaitu pribumi di Alam Melayu, Madagaskar, Filipina dan Taiwan. Peta 1 menunjukkan peta Alam Melayu mengikut pengertian yang luas (juga termasuk secuit di Kemboja). Istilah Melayu Raya pernah dipakai di Zaman Sukarno tahun 1940-an, dengan istilah Nusantara (Coedes & Damais 1992) dan Maphilindo (tahun 1960-an daripada Malaysia, Philippina dan Indonesia), Malindopura (Shaharir 2000/1987) dan lain-lain lagi bagi menamakan semula Alam Melayu moden itu ternyata tidak diterima umum. Walaupun istilah Nusantara agak popular hingga kini, tetapi semantik di Indonesia dengan di Malaysia tentang istilah ini berbeza. Perbezaan itu disebabkan di Indonesia, Nusantara meliputi Asia Tenggara, tetapi tidak termasuk Jawa, maka ia tidak menjadi istilah rasmi bagi Alam Melayu, walaupun semua bersetuju bahasa nasional Indonesia, Malaysia, Brunei Darussalam adalah bahasa Melayu. Tidak hairanlah majlis kerjasama bahasa antara Malaysia dengan Indonesia sejak 1970 itu dikenali sebagai Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia sahaja, atau singkatannya MABIM, dan kemudian menjadi Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia, atau singkatannya MABBIM, apabila Brunei menjadi ahlinya. Sehingga kini, persetujuan masih belum tercapai untuk menamakan bahasa dan bangsa yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa nasional masing-masing. Pada tahun 1998, Shaharir (1998a) memperkenalkan istilah Pascabima untuk merujuk rantau yang dahulunya dinamai alam Melayu atau Kepulauan Melayu itu bagi merangkumi Patani, Filipina, Singapura, Campa (orang Melayu di Vietnam dan Kemboja sekarang), Brunei, Indonesia dan Malaysia untuk memudahkan bicara dan memungkinkan penyelesaian masalah bahasa dan bangsa.

AKSARA MELAYU PURBA

Setelah berada bertahun-tahun di Srivijaya, I-Tsing, dari kurun ke-7 Masehi, membuat catatan mahukan orang Cina yang ingin mempelajari agama Buddha perlulah terlebih dahulu ke Srivijaya untuk setahun dua, kerana beliau mendapati

banyak kitab asli Buddha dan Hindu dalam bahasa Srivijaya. Beliau sendiri menyalin beratus-ratus buah kitab agama Buddha dan Hindu dan membawa balik ke negeri China. Beliau juga menyebut kitab agama Buddha *Kitab Tripatika* yang terkenal sebanyak 500 *gatha* itu jikalau diterjemah ke dalam bahasa Cina, akan berjumlah ribuan jilid. Tidak hairanlah selepas itu ada 19 orang sarjana Cina datang ke Srivijaya.

Sekitar abad ke-5 Masehi, tamadun Melayu yang sudah kukuh ialah di Kalimantan dan di Bali. Prasasti yang tertua yang dijumpai di Nusantara sehingga kini ialah prasasti di Kotai, Kalimantan Timur dan juga Kedah-P. Pinang, iaitu di Bukit Meriam di Kuala Sg. Merbuk, Ceruk Tokun, Provins Wellesley dan Sungai Bujang di Semenanjung Malaysia. Tarikh prasasti itu dianggarkan sekitar 400 Masehi. Aksara yang digunakan pada prasasti praIslam itu Palavi, kerana pengaruh aksara dari kerajaan Palava di selatan India dan Kawi, Jawa Purba (de Casparis 1975). Beliau menerangkan huruf-huruf ini bermula daripada pengubahsuaian aksara dari kerajaan Palava di selatan India pada abad ke-4 Masehi, dan kemudian berkembang secara evolusi kepada huruf Kawi. Selanjutnya beliau membahagikan zaman-zaman perkembangan aksara itu kepada:

1. Zaman aksara Palavi Awal, dari abad ke-4 hingga ke-7 Masehi, seperti yang tertulis pada prasasti di Kalimantan Timur, Jawa Barat, Kedah-P. Pinang (Bukit Meriam di Kuala Sg. Merbuk, Ceruk Tokun, Provins Wellesley dan Sungai Bujang yang tersebut tadi,
2. Zaman aksara Palavi Kemudian, dari abad ke-7 hingga pertengahan abad ke-8 Masehi, seperti yang dijumpai pada prasasti di Sumatera, Jawa Tengah, dan Semenanjung Malaysia,
3. Aksara Kawi Awal atau Jawa Kuno, daripada pertengahan abad ke-8 Masehi hingga awal abad ke-10 Masehi, dijumpai pada prasasti di Thai Selatan, Jawa Tengah, Jawa Timur, dan Semenanjung Malaysia,
4. Aksara Kawi Kemudian, daripada awal abad ke-10 Masehi hingga pertengahan abad ke-13 Masehi, dijumpai pada prasasti di Jawa Timur, Airlangga, Kediri, Bali, Sunda, dan Sumatera Selatan) dan
5. Aksara Kawi zaman Majapahit, yang dijumpai pada prasasti di seluruh Alam Melayu ini sehingga kemasukan aksara Arab menerusi Islam.

Contoh aksara-aksara ini dapat dilihat di Rajah 1(a – e).


Bahasa yang dipakai dalam aksara-aksara itu ialah bahasa Melayu Purba, Sanskrit, atau Jawa Purba. Namun, Ismail Husein (1981) dan Amat Juhari (1996) mengatakan orang Melayu di Nusantara juga mempunyai aksaranya sendiri sebelum aksara Palavi. Aksara yang mereka maksudkan ialah huruf Rencong/ Rencong (Rajah 2). Tetapi, sehingga kini tiada prasasti berhurufkan Rencong yang bertarikh lebih tua daripada prasasti dan aksara Palavi itu dijumpai. Contoh

RAJAH 1(a). Contoh Tulisan Palavi Awal (daripada Prasasti Kutai, Kalimantan Timur, abad ke-4M)

RAJAH 1(b). Contoh Tulisan Palavi Kemudian (daripada Prasasti tertua dalam bahasa Melayu Kuno di Nusantara, Prasasti di Kedukan Bukit, Palembang bertarikh 682M)

RAJAH 1(c). Contoh Tulisan Kawi Awal (daripada Prasasti yang tertua, di Dinoyo, Jawa Timur Bertarikh 760M)

RAJAH 1(d). Contoh Tulisan Kawi Kemudian (daripada Prasasti di Tuk Mas, Kedu, Jawa Tengah)



RAJAH 1(e). Contoh Tulisan Kawi Zaman Majapahit daripada Prasasti Singosari, bertarikh 1351M

RAJAH 1. Aksara Palavi (sekurang-kurangnya sejak abad ke-4M) dan Kawi (sekurang-kurang sejak abad ke-8M)

Sumber: de Casparis (1975)

tulisan yang tertua dalam huruf Rencong seperti yang terdapat dalam buku Hooykaas (1951) itu dianggarkan bertarikh dalam zaman kerajaan Majapahit (kurun ke-12 Masehi sahaja (Rajah 2), sedangkan tulisan terawal dalam huruf Palavi dan berbahasa Sanskrit itu ialah kurun ke-4 Masehi, dan yang berbahasa Melayu daripada abad ke-7 Masehi lagi. Namun, ini tidak sekali-kali bermakna bahasa Melayu belum tertulis sebelum abad ke-7 Masehi, kerana aksara pada zaman kerajaan Melayu Campa sudah lebih tua lagi, malah yang tertuanya ialah pada abad ke-4 Masehi, walaupun agak berbeza kerana bentuknya seakan-akan huruf Hindu atau Palavi (Rajah 3). Mengikut INTAN (1991), tamadun Melayu Campa sudah meninggalkan 206 buah prasasti, yang terdiri daripada 98 buah prasasti dalam bahasa Melayu Purba-Campa, 43 bahasa Sanskrit, 29 dwi-bahasa itu dan

RAJAH 2. Contoh huruf Rencong

RAJAH 3. Contoh aksara Melayu Campa yang tertua, bertarikh abad ke-4M
Sumber: Intan (1991)

RAJAH 4. Transkripsi contoh prasasti Zaman Kerajaan Funan yang tertua bertarikh sekitar abad ke-5M dalam bahasa Sanskrit
Sumber: Majumdar (1953)

36 lagi tidak diketahui bahasa atau aksaranya, kerana belum dikaji pakar. Prasasti

युञ्जन् योगमतर्कितङ्कमपि यः(ः) क्षीरोदशइय्या'गृहे
 शेते शेषभुजङ्गभोगरचनापर्यङ्कपृष्ठाश्रितः ।
 कुक्षिप्रान्तसमाश्रितत्रिभुवनो नाभ्युत्थिताम्भोरुहो
 (राज्ञीं) श्रीजयवर्मणोप्रमहिषी स स्वामिनी' रक्षतु ॥१
 कुलप्रभावती नाम्ना प्रभावात् कुलवर्द्धिनी ।
 दृष्टिरेकेव^२ या दृष्टा जयेन जयवर्मणा ॥२
 विप्राणां भवनं कुरुम्बनगरे प्रा.....
 कृत्वा यां प्रतिमां स्वर्णरचितां..... ।

di Kauthara, iaitu Nha-trang, kala prasasti yang tertua dalam fasehi. Aksara yang digunakan alaupun sudah ada pengubah- isantara. Setelah ditranskripsi cataan masih boleh dikenali, raka (neraka), sarivu/sariwu 'rasasti ini menceritakan nasib za punya putauv (Nagadewa g yang menghormatinya akan in yang mengkhianatinya akan an. Oleh itu, pendapat yang perkataan sahaja, iaitu 'tanah',

1 kerajaan Funan, yang dikenali nber aslinya, maka tidak boleh

dirakam tofograf prasastinya ataupun transkripsi ruminya, walaupun transkripsi dalam bahasa Sanskrit dan terjemahannya ke dalam bahasa Inggeris itu berjumlah lebih daripada 200 buah prasasti dengan 80 buah daripadanya dalam bahasa Khmer purba atau campuran dengan Sanskrit (Majumdar 1953). Tulisan dalam bahasa Melayu zaman kerajaan Funan yang dijumpai sehingga kini tidaklah setua yang terdapat di Campa, kerana prasasti Funan yang tertua dalam bahasa

Khmer purba itu bertarikh 531S (609M). Tetapi, fotograf dan transkripsi rumi tidak dapat kami perolehnya lagi, walaupun Majumdar (1953) menyebut keduanya terdapat dalam (*Bulletin de l'Ecole Francais d'Extreme-Orient, Hanoi*, 33: 530-531). Walau bagaimanapun, contoh aksara Zaman Empayar Funan dalam bahasa Sanskrit pada abad ke-5M seperti di Rajah 4.

Dalam sumber China (Liang Liji 1966), bahasa dan tulisan Melayu Purba ini dikenali sebagai bahasa *Kun-lun* dan sudahpun dipelajari pendita-pendita Cina, bermula dengan I-Tsing. Bahasa ini telah menggunakan aksaranya yang tersendiri. Tetapi, tidaklah diketahui apakah aksara bahasa *Kun-lun* sama ada aksara zaman kerajaan Funan, atau Campa atau Palavi atau aksara Rencong.

RUJUKAN

- Amat Juhari Moain. 1996. *Perancangan Bahasa: Sejarah Aksara Jawi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chatterji, B. R. 1967. *History of Indonesia: Early and Medieval*. Delhi: Meenakshi Prakashan.
- Coedes, G. 1964. Sejarah Campa, dari Awal Sampai Tahun 1471. Dlm. Abdul Rahman Al-Ahmadi. 1988. *Alam Melayu: sejarah dan kebudayaan Campa*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.
- Coedes, G. & L. C. Damais. 1992. *Sriwijaya: History, Religion and Language of an early Malay Polity*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society monograph.
- de Casparis, J. G. 1975. *Indonesian Palaeography*. Leiden: Koln Brill.
- Gallop, A. T. 1994. *Warisan Warkah Melayu*. London: The British Library.
- Hooykaas, C. 1951. *Perintis Sastra*. Djakarta: Wolters.
- Intan. 1991. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Intan.
- Ismail Hussein. 1981. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Liang Liji. 1996. *Hubungan Empayar Melaka-Dinasti Ming Abad ke-15*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Majumdar, R. C. 1953. *Inscriptions of Kambuja*. Culcutta: The Asiatic Society.
- MBRAS. 1997. de Eredia, G. 1610. *Eredia's Description of Malaca*. (terjemahan manuskrip de Eredia, 1610 dalam bahasa Portugis). MBRAS, Kuala Lumpur.
- Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abd. Rahman. 1998. Menyusuli Asal-Usul Orang Melayu: dari Perspektif Arkeologi Semenanjung Malaysia. Dlm. Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd Rahman, Mohd bin Samsudin, dan Kamaruzaman Yusoff (Pyt.). 1998. *Sejarah dan proses pemantapan negara-bangsa. Prosiding Kongres Sejarah Malaysia Kedua*. Jilid II. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia: 641-658.
- Othman Yatim & Halim Nasir. 1990. *Epigrafi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- RESEAP. 1996. *Muslim Almanac. Asia Pacific*. Kuala Lumpur: Berita Pub. Sdn. Bhd.
- Sastri, N. K. A. 1949. *History of Srivijaya*. Madras: University of Madras.
- Sejarah Melayu (*Sulalatus Salatin*). A. Samad Ahmad. 1979. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Shaharir bin Mohamad Zain. 1992. Asal-Usul Melayu dan Hubungan Bahasa dengan Peradaban Bangsa. *Jurnal Dewan Bahasa Mac*: 270-278.
- _____. 1998. Pengertian Ilmu dan Ilmuwan di Alam Melayu Pascabima. *Kesturi* 8(1): 65-106.
- _____. 2000/1987. *Pengenalan Sejarah dan Falsafah Sains*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Snt. Ke-2.[Snt. 1: 1987, Akademi Sains Islam Malaysia].
- Slametmuljana. 1970. *Sriwidjaja*. Ende (Flores): Arnoldus.
- _____. 1981. *Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi*. Jakarta: Yayasan Idayu.
- Wallace, A. R. 1863. On the physical geography of the Malay Archipelego. *Journal of the Royal Geographical Society* 33: 217-234.
- _____. 1986. *The Malay Archipelago*. Oxford: Oxford University Press.
- Wan Hashim bin Wan Teh. 1997. *Tamadun Silam dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Penerbit UKM.
- Wheatley, Y. 1966. *The Golden Khersonene*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Shaharir Mohamad Zain, Ph.D.
Pusat Pengajian Sains Matematik
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi
Selangor Darul Ehsan
e-mail: rir@pkrisc.cc.ukm.my